

TEKS UCAPAN

YAA KETUA HAKIM NEGARA

KONVENSYEN JALSOA 2019

TARIKH : 15 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

**TEMPAT : DEWAN TAN SRI ABDUL KADIR YUSOF
JABATAN PEGUAM NEGARA**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Yang Mulia Datuk Engku Nor Faizah binti Engku Atek
Peguam Cara Negara;

Yang Berusaha Tuan Ahmad Terriruddin bin Mohd Salleh
Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia;

Yang Berbahagia Datuk Siti Zainab binti Omar
Peguam Cara Negara II

Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak bin Musa
Presiden JALSOA Sesi 2018/2020;

Datuk-Datuk/Datin-Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya
hormati sekalian.

[1] Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi kesyukuran kepada Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua dapat kita bersama-sama hadir di majlis Konvensyen JALSOA yang julung kali diadakan pada hari ini. Sebelum saya meneruskan dengan ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Eksekutif JALSOA kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucap tama dan seterusnya merasmikan Konvensyen ini.

[2] Sebagaimana termaktub dalam dalam Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan adalah salah satu cabang perkhidmatan awam. Hal ini diperjelaskan lagi dalam Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan yang menghuraikan tentang bidangkuasa dan komposisi Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP).

[3] Berikutan wujudnya Skim Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Persatuan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau Judicial and Legal Service Officers' Association (JALSOA) telah ditubuhkan secara rasmi pada 28 November 1964 bagi memayungi Pegawai-Pegawai dari kedua-dua cabang Kehakiman dan Perundangan. Presiden pertama JALSOA adalah mantan Ketua Hakim Negara YABhg. Tun Mohd Salleh bin Abas.

[4] Antara objektif penubuhan JALSOA, sebagaimana yang dinyatakan dalam Perlembagaannya adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim sesama pegawai di kedua-dua cabang Kehakiman dan Perundangan di samping menjaga kebajikan dan memperjuangkan nasib Pegawai Undang-Undang.

[5] Untuk makluman hadirin, saya sendiri pernah bergiat cergas dalam JALSOA dan pernah menggalas jawatan Presiden JALSOA

semasa saya menjawat jawatan sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia pada tahun 2005 hingga 2006.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

[6] Ketika saya menjawat jawatan Ketua Pendaftar, telah ada saranan dari pihak tertentu untuk memisahkan atau mengasingkan perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Saranan tersebut bagaimanapun tidak menjadi kenyataan.

[7] Di akhir-akhir ini, usaha dan cadangan untuk mengasingkan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan telah muncul kembali setelah sekian lama idea ini tidak pernah dimuktamadkan. Terdapat juga usaha untuk mengasingkan peranan Peguam Negara dengan Pendakwa Raya yang secara tidak langsung akan membawa kepada pemisahan Jabatan Peguam Negara dengan Bahagian Pendakwaan. Berikutan itu, Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan akan dipisahkan kepada 3 perkhidmatan iaitu

Perkhidmatan Kehakiman, Perkhidmatan Perundangan dan Perkhidmatan Pendakwaan.

[8] Perkara ini merupakan salah satu syor yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pembaharuan Institusi - *Institutional Reforms Committee (IRC)* yang telah ditubuhkan di bawah Majlis Penasihat Kerajaan (*Council of Eminent Persons*). Antara alasan untuk pemisahan ini adalah disebabkan terdapat percanggahan kepentingan antara peranan Peguam Negara sebagai Penasihat Undang-Undang Negara dengan peranannya sebagai Pendakwa Raya.

[9] Saya difahamkan terdapat Jawatankuasa yang telah dibentuk yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja Kajian Pengasingan Peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara yang diwujudkan bagi menjalankan kajian berkenaan dengan pengasingan tersebut dan telah ditugaskan untuk menjalankan soal selidik untuk meninjau pandangan dan perasaan pegawai

undang-undang dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan berkenaan dengan cadangan pengasingan tersebut.

[10] Rentetan itu, beberapa siri penerangan melalui '*road tour*' telah dilaksanakan untuk memberi penerangan atau taklimat dan untuk mendapat maklumbalas daripada semua Pegawai Undang-Undang. Saya juga difahamkan soal selidik telahpun diedarkan kepada semua Pegawai Kehakiman dan Perundangan untuk mendapatkan reaksi dan maklumbalas berkaitan dengan cadangan pengasingan ini.

[11] Dalam menghadapi cabaran ini, saya dimaklumkan bahawa JALSOA dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) yang lepas telah juga memainkan peranan penting dalam memberikan penerangan dan dikhabarkan AGM kali ini mendapat sambutan dan kehadiran yang amat menggalakkan.

[12] Saya percaya isu pengasingan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan timbul berikutan persepsi masyarakat bahawa wujud percanggahan kepentingan apabila seseorang Pegawai Kehakiman yang bertugas di Mahkamah berada di bawah Peguam Negara yang dikatakan sebagai ketua perkhidmatan kepada semua Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Persepsi tidak semestinya benar. Isu konflik kepentingan dan sama ada sebenarnya Peguam Negara adalah ketua perkhidmatan kepada pegawai-pegawai kehakiman telahpun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Maleb bin Su v Public Prosecutor, Cheak Yoke Thong v Public Prosecutor* [1984] 1 MLJ 311. Saya petik intipati kes-kes ini daripada penghakiman Hashim Yeop A Sani F.J. seperti berikut:

“These are appeals against the dismissal by a President and a Magistrate of application made by respective counsel at the commencement of hearing. The application was that the President or Magistrate should

disqualify himself from proceeding with the case on the grounds that he belonged to a service which the Attorney-General is said to be the head of the service. Since the Attorney-General is also the Public Prosecutor and has supervision and control of these judicial officers it was alleged that there was a likelihood of bias.”.

Hashim Yeop Sani telah memutuskan bahawa:

“What is the “system” which counsel said they fear would produce a likelihood of bias?. The judicial and legal service is one of the public services mentioned in Article 138(1) of the Federal Constitution. The authority which exercises jurisdiction over the officers of the service in matters of promotions and discipline is the Judicial and Legal Service Commission established under Article 138 of the Constitution of which the Attorney General is only a member. There is nothing in

law to say that the Attorney General is the head of the service; in fact he cannot be by virtue of Article 138 of the Constitution. An officer belongs to the judicial and legal service but he may serve in various different capacities in the Judicial Department and Legal Department. As normal in the administrative set-up of the public service each department has its own head. And the Attorney General is not the head of the Judicial Department. Thus looking at the legal and administrative framework governing the service I do not think the facts here warrant a conclusion of a real likelihood of bias. If such a conclusion is made it is not the sort of conclusion which in my opinion right thinking persons armed with proper information and advice would entertain.”.

[13] Lebih daripada tiga (3) dekad telah berlalu sejak keputusan Mahkamah Tertinggi di negara ini dalam kes di atas memutuskan dengan jelas bahawa Peguam Negara bukan ketua perkhidmatan

kepada Pegawai-Pegawai Kehakiman yang bertugas di Mahkamah.

[14] Namun, nampaknya keputusan Mahkamah Persekutuan tidak diendahkan. Saya berkata demikian atas dua alasan. Pertamanya kerana persepsi bahawa Peguam Negara adalah ketua perkhidmatan bukan sahaja bagi pegawai-pegawai perundangan malahan juga bagi pegawai-pegawai kehakiman masih wujud. Ini yang membawa kepada tohmahan percanggahan kepentingan dan saranan untuk mengasingkan perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Alasan kedua adalah kerana melalui Pekeliling dari Jabatan Perkhidmatan Awam, iaitu Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2010, Lampiran B, dinyatakan bahawa Peguam Negara adalah Ketua Perkhidmatan kepada semua Pegawai Undang-Undang di bawah skim Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

[15] Walau apapun, dalam mendepani cabaran dan polemik ini, saya amat berharap agar setiap Pegawai Kehakiman dan Perundangan dapat membuat keputusan yang bijak lagi cermat dengan memikirkan adakah ianya menguntungkan tuan-puan untuk kemajuan kerjaya sebagai pegawai undang-undang. Memetik kata-kata pujangga Dr.Seuss, “You have brains in your head. You have feet in your shoes. You can steer yourself any direction you choose. You’re on your own. And you know what you know. And YOU are the one who’ll decide where to go...”

[16] JALSOA juga harus melipat gandakan usaha untuk mempertahankan institusi yang telah terbina dengan utuh sejak merdeka dan justeru, amatlah tepat pada masa dan ketikanya JALSOA menganjurkan Konvensyen ini untuk membincangkan dan memperhalusi kerelevanan Skim Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

[17] Saya berharap agar Konvensyen ini menghasilkan percambahan minda sesama pegawai tentang kebajikan, kepentingan dan masa depan Pegawai-Pegawai Kehakiman dan Perundangan dan agar setiap peserta Konvensyen dapat menggunakan peluang ini untuk memberi idea atau cadangan yang bernas di samping mengambil peluang keemasan ini untuk membuat kritikan yang membina demi masa hadapan Skim Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan seterusnya menjamin kerevelenan JALSOA.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

[18] Profesion undang-undang kini menghadapi satu cabaran baru, yang tidak pernah didengar 20 tahun yang lalu, iaitu cabaran dalam menangani persepsi negatif atau tidak benar di media sosial. Dahulunya perbicaraan oleh media atau *trial by media* terhad kepada penulisan editor-editor dan penulis-penulis di surat-surat khabar, buku-buku dan majalah-majalah. Kini perkara yang

sama boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja di media sosial. Melalui media sosial, terdapat kritikan-kritikan yang tidak adil dan tidak berasas terhadap pemegang-pemegang taruh (stakeholders) bidang perundangan. Kritikan sebegini juga menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap sistem keadilan negara.

[19] Dalam usaha menangani masalah ini, saya percaya inisiatif perlu datang dari dalam profesion itu sendiri. Semua pegawai undang-undang dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan haruslah mengawal diri dan berhati-hati dalam membuat sebarang komen secara terbuka di media sosial. Apa yang ditulis oleh seorang Timbalan Pendakwa Raya atau Majistret, sebagai misalan, di media sosial, diberi perhatian khusus oleh masyarakat umum. Mereka tidak dapat membezakan sama ada komen yang dibaca, ditulis atas kapasiti peribadi atau kapasiti rasmi, atau ia ditulis secara santai ataupun formal, atau komen tersebut benar-benar serius atau sekadar jenaka. Justeru,

usaha mengekang persepsi negatif masyarakat umum terhadap profesion perundangan haruslah bermula dengan diri kita sendiri.

[20] Izinkan saya pada kesempatan ini mengingatkan pegawai-pegawai kehakiman dan perundangan tentang etika tugas dan tanggungjawab masing-masing.

[21] Bagi pegawai-pegawai kehakiman, khususnya Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret, Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar yang mengendalikan kes-kes, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan agar sentiasa mendokong dan mempertahankan prinsip kebebasan kehakiman. Kes-kes hendaklah dibicarakan dengan adil mengikut prinsip undang-undang substantif dan prosedur yang sedia ada. Keputusan hendaklah dibuat berdasarkan keterangan yang ada tanpa berat sebelah, bebas dari tekanan dalaman dan luaran. Ini termasuklah tekanan daripada pihak atasan, media, mana-mana individu atau pegawai-pegawai kehakiman yang lain.

[22] Ingin saya tegaskan bahawa sebagai Ketua Hakim Negara, dalam konteks hakim-hakim atau pegawai-pegawai kehakiman memutuskan kes-kes saya bukanlah seorang ketua, tetapi hanyalah 'the first among the equals.'. Ini bermaksud, dalam ertikata sebenar, dalam memutuskan kes, tuan-tuan dan puan-puan sebagai pegawai kehakiman tidak mempunyai ketua kerana berbeza dengan ketua di organisasi atau jabatan lain yang boleh memberi apa jua arahan kepada pegawai bawahan, saya atau YAA Hakim Besar Malaya tidak boleh memberi arahan kepada tuan-tuan dan puan-puan bagaimana sesuatu kes harus diputuskan. Jika tuan-tuan dan puan-puan silap dalam membuat keputusan, mahkamah atasan akan membetulkan kesilapan tersebut melalui proses rayuan. Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim-Hakim Besar Malaya serta Sabah & Sarawak hanya menyelia hakim-hakim dan pegawai-pegawai kehakiman setakat mana ia bertujuan memastikan pengendalian kes-kes berjalan secara teratur dan efisien. Dengan kata lain, saya, PMR, HBM atau HBSS hanya boleh memberikan arahan

bagi maksud memastikan 'the efficient and proper management of the cases', bukan berkenaan dengan keputusan.

[23] Saya seterusnya ingin mengingatkan pegawai-pegawai kehakiman agar menjaga perkara-perkara berikut:

- (i) sentiasa mempamerkan tata kelakuan serta perangai yang baik dan dihormati sama ada semasa atau di luar waktu pejabat;
- (ii) sentiasa besopan santun, mesra dan berbudi bahasa semasa berurusan dengan orang awam termasuk para peguam;
- (iii) melaksanakan dan menyelesaikan tugas di waktu pejabat dengan kadar segera dan berkualiti;
- (iv) sentiasa saksama dan bertimbang rasa dalam melaksanakan tugas tanpa mengira bangsa, agama dan kedudukan;
- (v) mengelakkan percanggahan kepentingan seperti menggunakan kedudukan rasmi sebagai pegawai mahkamah untuk kepentingan sendiri atau kepentingan orang lain; dan

- (vi) sentiasa berusaha memperbaiki memajukan diri dan meningkatkan ilmu pekerjaan masing-masing dari masa ke semasa.

[24] Bagi pegawai-pegawai perundangan, pada kesempatan ini, saya juga ingin menyampaikan sedikit pandangan tentang peranan dan tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan khususnya sebagai Timbalan Pendakwa Raya dan Peguam Persekutuan. Peguam Persekutuan pada saya sama dengan peguam swasta kerana tuan-tuan dan puan-puan juga mempunyai anak guam. Adalah penting untuk saya mengingatkan bahawa kehadiran Timbalan Pendakwa Raya dan Peguam Persekutuan adalah untuk membantu mahkamah memutuskan kes dengan adil.

[25] Saya sedar apabila seseorang dituduh dengan suatu kesalahan, pihak pendakwaan telah meneliti kertas siasatan dengan mendalam sebelum membuat keputusan untuk membawa kes ke mahkamah. Namun kadangkala kes pihak pendakwaan

dilemahkan dengan keterangan saksi-saksi di mahkamah terbuka atau atas sesuatu isu tertentu, prinsip undang-undang yang mantap tidak menyebelahi pendakwaan.

[26] Meminjam kata-kata Chief Justice Brunei Steven Chong:

“The prosecutor does not act for any particular person or party. His client is not the Attorney General or the Government or even the victim. Instead, his client is the society. The role of the prosecutor therefore excludes the notion of winning or losing a case but to seek and achieve justice. The prosecutor’s aim is not and should not be merely to convict. The role is to be discharged with an ingrained sense of dignity and integrity.”.

[27] Bercakap tentang ‘justice’ atau keadilan, keadilan yang kita maksudkan di sini adalah keadilan mengikut proses atau prinsip undang-undang yang sedia ada, bukan keadilan mengikut

persepsi orang awam atau media. Saya petik kata-kata Mahkamah Agung dalam kes *Krishnan v PP* [1987] 1 MLJ 292:

“It is one of the most basic rules of justice that however heinous a crime a person is accused of, whatever the rank of the person who testifies against him, he can only be convicted on evidence produced according to the stringent requirements of the law, ... it does not mean that a person accused of one of the most heinous crimes known to our law is not entitled to equal protection before the law and one of those items of protection to which he is entitled is that his guilt must be proved in accordance with or in a manner required by law. Anything less will not be enough.”.

[28] Untuk membantu mahkamah mencapai keputusan yang adil mengikut prinsip undang-undang, Timbalan Pendakwa Rayaw hendaklah hadir ke Mahkamah dengan berkekalkan persediaan yang rapi dan ilmu pengetahuan yang tinggi tentang fakta kes dan nas undang-undang yang relevan dengan kes yang dikendalikan.

Sifat kebertanggungjawaban yang tinggi bukan sahaja terhadap kes yang dikendalikan tetapi juga terhadap keadilan secara keseluruhannya, amatlah penting bagi membolehkan Timbalan Pendakwa Raya menjalankan tugas dengan baik, dalam membantu mahkamah mencapai keputusan yang adil. Sikap keterbukaan dalam menerima bahawa sesuatu prinsip atau aspek tidak menyebelahi pihak pendakwaan akan meningkatkan imej pihak pendakwaan sekali gus akan memertabatkan sistem keadilan Negara. Lord Denning di dalam article *The Honest Lawyer* (1983) 2 CLJ 174, menyatakan berikut mengenai kewajipan pihak pendakwaan atau counsel for the prosecution untuk berlaku adil:

“The reason is that tradition demands that he should act, not as an advocate to condemn the accused, but as a minister of justice to see that he is fairly treated.”.

[29] Saya bersependapat dengan Mahkamah Agung Amerika Syarikat yang menyatakan seperti berikut di dalam kes *Berger v United States* 295 US 78 (1035):

“The prosecutor may prosecute with earnestness and vigour – indeed he should do so. But, while he may strike hard blows, he is not at liberty to strike foul ones. It is as much his duty to refrain from improper methods calculated to produce a wrongful conviction as it is to use every legitimate means to bring about a just one.”.

[30] Timbalan Pendakwa Raya perlu menjaga etika dan decorum di dalam mahkamah. Apa jua akujanji yang diberikan kepada pihak lawan atau kepada mahkamah perlu dipenuhi. Suriyadi Halim Omar HMR (beliau ketika itu) berkata dalam kes *Harun bin Abdullah v PP* [2009] 3 MLJ 337:

“It requires a brave and perhaps an inexperienced deputy public prosecutor to utter that whatever he declared or promised earlier on behalf of the public prosecutor does not bind the latter. To accept that assertion will make the public prosecutor a larger than life person and unaffected by any sense of conventional wisdom and conscience. It will be a dark day if a public prosecutor’s words have no finality and may be ‘broken’ without any compunction.”.

[31] Tanggungjawab dan etika yang sama turut digalas oleh setiap peguam persekutuan. Sekali lagi saya merujuk kepada ungkapan Lord Denning yang memetik kata-kata Lord Justice Cockburn seperti berikut:

“An Advocate must be fearless in carrying out the interest of his client: but I couple that with this qualification and this restriction that the arms which he wields are to be the arms

of warrior and not of the assassin. It is his duty to strive to accomplish the interest of his clients per fas but not per nefas: it is his duty to the utmost of his power to seek to reconcile the interests he is bound to maintain, and the duty it is incumbent upon to discharge with the eternal and immutable interest of truth and justice.”.

[32] Berkenaan advocacy, saya kongsikan saranan President of the Supreme Court of the United Kingdom Lord David Neuberger seperti berikut:

The first is shorter submissions. There is no point in setting out the detailed facts: they are in the pleadings, and most of the details do not matter. Similarly, quoting large chunks of judgments is unnecessary and unattractive. Repetition is also to be avoided. The rapier is a better weapon in the courts than a bludgeon.

The second point is that your oral submission should focus on the development of the argument in the written submission, rather than a rehearsal of the written submission or at least a fresh approach from the written submission. With a written submission and an oral argument, you have two sets of argument. Take advantage of it.

[33] Lord David Neuberger juga menyatakan:

“The special function of lawyers carries with it special responsibilities, which we should never forget. A lawyer has a duty to society, most obviously in the form of a duty to the court in connection with litigation, and that duty ... is of a greater order than the duty owed by other professionals in the commercial or quasi-commercial world. As the great Lord Bingham put it in *Bolton v The Law Society* [1994] 1 WLR 512 at 519, a lawyer has to be capable

of being trusted to the ends of the earth.” (see Lord Neuberger speech on the Future of the Bar on 20 June 2014 at para 6).”.

[34] Adalah juga menjadi tanggungjawab peguam untuk menerangkan sesuatu keputusan Mahkamah dengan jelas dan jujur kepada anak guamnya. Tidak dapat dielakkan akan ada situasi di mana satu pihak tidak berpuashati terhadap keputusan Mahkamah. Ini berlaku kerana hanya akan ada satu pihak yang menang kes yang dipertikaikan di Mahkamah. Lazimnya, pihak yang kalah akan membuat dakwaan atau kritikan yang tidak berasas kepada mahkamah, terutamanya di Media Sosial. Hal ini diburukkan lagi apabila ia dilakukan oleh individu yang bergelar peguam. Perkara ini sekiranya dibiarkan berterusan, akan menghakis keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap sistem keadilan Negara dan Badan Kehakiman secara khususnya dan akhirnya akan mencemarkan imej Negara secara amnya.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

[35] Adalah menjadi kewajipan kita bersama untuk sentiasa mendokong dan menjaga integriti dan kewibawaan sistem keadilan di negara kita. Sebagai Pegawai Kehakiman dan Perundangan, tuan-puan memikul amanah yang berat dan harapan yang tinggi dalam menjalankan tugas. Jawatan yang disandang bukanlah untuk dibangga-banggakan apatah lagi untuk disalah-gunakan.

[36] Beberapa kes yang berlaku akhir-akhir ini memberi gambaran bahawa kemelut penyalahgunaan kuasa dan amalan rasuah menular dan menyusur dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan negara. Setinggi mana ilmu yang kita miliki, setinggi mana kedudukan kita dan sebesar mana sumbangan yang telah kita curahkan dalam perkhidmatan, jika nilai integriti dan amanah tidak dijunjung, kita akhirnya akan menempa kemusnahan dan dipandang hina. Wang ringgit bukanlah segala-

galanya dalam merentasi kehidupan di dunia yang fana ini. Sebagai Ketua Hakim Negara, saya menyokong usaha-usaha yang dilakukan untuk membawa pegawai-pegawai yang terlibat dalam jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa ke muka pengadilan.

[37] Justeru, saya menyeru setiap Pegawai Undang-Undang agar tidak sesekali terjebak dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang boleh menggugat nilai integriti dan melanggar mana-mana peraturan yang telah ditetapkan. Khusus bagi Pegawai Kehakiman, Kod Etika Pegawai Kehakiman 2019 wajib dipatuhi oleh semua. Harus diingati bahawa maruah diri, keluarga, Jabatan dan Negara terletak di tangan kita masing-masing.

[38] Akhir kata, besarlah harapan saya agar Konvensyen pada hari ini secara tidak langsung dapat terus memekarkan tali silaturrahim seluruh ahli JALSOA. Semangat kebersamaan ini mempunyai banyak kelebihan kerana kita saling bergantung dari

segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan serta komitmen dalam mendukung aspirasi Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Saya juga berharap agar setiap Pegawai Kehakiman dan Perundangan akan terus menyokong peranan dan memberikan sumbangan kepada aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh JALSOA.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen JALSOA 2019.